



Anwar bersama Tawfiq melawat pameran mini selepas merasmikan Majlis Memperingati Negarawan 'Tonggak Perpaduan Negara' di Dataran Merdeka, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

# 'Contohi ketegasan Tun Dr Ismail'

Anwar gesa anak muda ikut jejak tokoh berintegriti tinggi pertahan nilai murni

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta generasi muda meneladani ketegasan dan integriti tinggi yang menjadi pegangan utuh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail Abdul Rahman.

Mengimbu pengalaman ketika bersemuka dengan Tun Dr Ismail ketika bergelar pemimpin mahasiswa, Perdana Menteri berkata, dua nilai berkenaan perlu disemat sebagai pegangan anak muda.

Katanya, generasi muda ada tanggungjawab besar terutama bagi menyelamatkan negara.

"Satu aspek lain kita perlu belajar adalah soal integriti dalam politik, bagaimana mampu kita lahirkan generasi sekarang sama-sama membangun menolak kejahatan sosial, rasuah dan penyelewengan kuasa.

"Kita harus menyoal bagaimana, apakah masalahnya puluhan tahun kemudian, ada tokoh tak mahu saya sebutkan yang sukar ditandingi dan disaingi prinsip integriti sedemikian, yang suarakan ketegasan, punya peribadi sosok menentang rasuah, takelola baik dan, digeruni rakyat.

"Mari kita doa mudah-mudahan semangat itu terpancar dan dihadam oleh anak muda baha-

wa kita punya tugas dan tanggungjawab menyelamatkan negara dan menjadikan sambutan Hari Kemerdekaan Tanah Melayu 1957 dengan menggali khazanah dan menjadikan cita-cita murni pahlawan bangsa serta negarawan ulung, terutama Tun Dr Ismail sebagai perjuangannya.

"Perkara ini perlu hidup dalam negara kita, negara akan selamat jika ada integriti kerana apa, orang tahu kita tidak boleh dibeli, tidak makan pujuk rayu, wang dan harta," katanya.

## Majlis memperingati tokoh

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Memperingati Negarawan 'Tonggak Perpaduan Negara' sempena sambutan Bulan Kebangsaan di Dataran Merdeka di sini, semalam.

Majlis dihadiri kira-kira 15,000 orang itu turut dihadiri anak Allahyarham Tun Dr Ismail, Tawfiq.

Ketika bergelar pemimpin mahasiswa, Anwar menceritakan keperibadian Tun Dr Ismail sebagai seorang yang tegas.

Walaupun Anwar mengatakan beliau seorang yang tegas, terpaksa 'bertukar' watak dengan

bertutur dalam nada lembut ketika bersemuka dengan Tun Dr Ismail.

"Saya ingat pertemuan PKPIM (Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia) di rumah beliau selepas demonstrasi, saya mula kenal dengan Tun Dr Ismail, saya seorang yang berucap dengan agak keras.

"Bila berdepan Tun Dr Ismail, saya lembutkan bahasa dan saya gerun pada dia. Beliau juga bagi galakan supaya anak muda ada idealisme kerana kita pertahankan adalah bahasa, nak kerajaan tegas pertahan bahasa kebangsaan dan kerajaan jaga kepentingan anak Melayu.

"Tun Dr Ismail masa itu, walaupun beliau orang nombor dua dalam negara, beliau sangat sederhana apabila bertemu dan ambil masa menerangkan kepada saya... mengapa pertahan penggunaan bahasa (Melayu) itu penting," katanya.

Dalam pada itu, Anwar menyifatkan Tun Dr Ismail sebagai pejuang bangsa dan kebangsaan tulen yang mempunyai dasar dan visi jelas untuk membantu membina negara bangsa terutama pasca tragedi berdarah rusuhan kaum 13 Mei 1969.

## Kursi Tun Dr Ismail di UKM

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan kerajaan bersetuju membentuk Kursi Tun Dr Ismail di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Perdana Menteri berkata, ia sebagai menghargai legasi kepimpinan dan cetusan pemikiran tokoh berkenaan.

"Usaha serta pengiktirafan ini adalah bagi memberi ruang kepada generasi muda dan penerus untuk menyemangati sumbangan pahlawan bangsa dan negarawan ulung Tun Dr Ismail Abdul Rahman khususnya dalam aspek perpaduan dan penyatuan kaum," katanya dalam kenyataan semalam.